

Headline	Sedia infrastruktur moden		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,172
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,517



'Sedia infrastruktur moden'

» Strategi
jadikan negara
hab pendidikan
tinggi pelajar
Asia Barat

Bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bagi pelajar Asia Barat, negara mesti menyediakan kemudahan terbaik dalam bidang itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kehadiran 25,000 pelajar Asia Barat di Malaysia, menunjukkan negara menjadi tumpuan dalam bidang itu.

"Melalui pameran pendidikan yang diadakan di sini, ternyata Malaysia menjadi tumpuan untuk mereka meneruskan pembelajaran di Malaysia.

"Kita mahu menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi untuk rantau Asia Barat dan ramai yang berminat untuk menyertai program kita di

Malaysia atau menjalin kerjasama antara institusi pendidikan.

"Kita mahu Malaysia menyediakan kemudahan pendidikan terbaik di peringkat yang tinggi sekali," katanya pada sidang media di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Dubai (DICEC) di sini, semalam.

Rasmi pameran pendidikan
Terdahulu, beliau melakukan kunjungan terhadap Menteri Kebudayaan, Belia dan Pembangunan Masyarakat Emiriah Arab Bersatu (UAE) Sheikh Nahyan Mubarak Al Nahyan dan Menteri Pendidikan Humaid Mohammed Al Qatawi.

Muhyiddin kemudian diiri-

ngi kedua-dua menteri berkenaan mengunjungi Pendidikan, Teluk Pameran dan Latihan (GETEX) 2014 sebelum merasmikan pameran pavilion Pendidikan Malaysia di situ.

Pameran berkenaan menampilkan 27 universiti awam dan swasta dan institusi pendidikan tinggi dari Malaysia, termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nottingham University Malaysia dan Sunway. Malaysia menyertai GETEX sejak tahun 2004.

Muhyiddin berkata, Malaysia mempunyai tarikan tersendiri kerana ia menawarkan pendidikan berkualiti dengan yang kompetitif dengan suasana kondusif.

Katanya, dalam pertemuannya dengan Sheikh Nayan, UAE berbangga kerana Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara itu dalam bidang pendidikan.

Hantar ramai pelajar

Beliau berkata, sehingga kini ada 164 pelajar UAE di Malaysia yang mengambil kursus dalam sains, teknologi maklumat dan perniagaan.

"UAE berjanji untuk menghantar lebih ramai pelajar ke Malaysia.

"Mereka juga mahu Malaysia menghantar pelajar ke negara ini bagi meneruskan pelajaran. Sebab itu kita mahu adakan perjanjian jangka panjang bagi memanfaatkan bersama," katanya.



Headline	Sedia infrastruktur moden		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	330 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,172
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,517

